

## ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang khusus mengenai sejarah *Rasm ḨUthmānī* dan kaedah-kaedah penulisannya. *Rasm ḨUthmānī* adalah satu ilmu yang berkaitan dengan kemukjizatan al-Quran dan ia sangat perlu diketahui oleh umat Islam kerana ia merupakan kaedah penulisan al-Quran yang mesti mereka gunakan. Oleh itu, objektif utama disertasi ini ialah untuk memberikan kefahaman secara menyeluruh kepada umat Islam tentang kepentingan mengetahui ilmu ini. Kajian ini dimulakan dengan pendahuluan dan diikuti dengan lima bab yang utama. Bab pertama menyentuh tentang sejarah tulisan Arab dan penulisan al-Quran yang bermula semenjak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke zaman Sayyidinā ḨUthmān r.a. Ia bertujuan untuk mengenalpasti sejarah tulisan al-Quran dan sebab ia dinamakan sebagai *Rasm ḨUthmānī*. Bab kedua membahaskan secara terperinci tentang *Rasm ḨUthmānī*, kaedah-kaedah penulisannya dan hubungannya dengan qiraat yang *mutawātir* serta perbandingannya dengan *Rasm Qiyāsī*. Bab ketiga pula membicarakan tentang keutamaan-keutamaan dan keistimewaan-keistimewaan *Rasm ḨUthmānī* serta pandangan para ulama mengenai hukum menulis dan menggunakan mashaf *rasm* tersebut dalam penulisan al-Quran. Bab keempat menerangkan tentang pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh para ulama iaitu dari sudut meletakkan baris-baris, titik-titik dan beberapa lagi tanda-tanda yang lain dalam mashaf *Rasm ḨUthmānī* serta dikemukakan juga beberapa buah mashaf yang terdapat pada masa kini sebagai contoh terhadap pembaharuan-pembaharuan yang berlaku. Seterusnya dalam bab kelima dimuatkan dengan analisis dan kesimpulan secara keseluruhan hasil kajian ini dan seterusnya dikemukakan beberapa saranan yang sewajarnya diamalkan oleh umat Islam. Kajian ini merumuskan bahawa *Rasm ḨUthmānī* adalah merupakan tulisan asal al-Quran dan ia adalah *tawqīfī* daripada Rasulullah s.a.w. yang wajib diikuti dan diamalkan. Kajian ini diakhiri dengan bibliografi dan beberapa lampiran.

## ABSTRACT

This research concentrates on the history of *Rasm ḨUthmānī* and its methods of writing. *Rasm ḨUthmānī* is a knowledge which is associated with the holy Quran and should be acquired by every muslim because it is the only method used in writing the Quran. Therefore the objective of this research is to convey the message about the importance of learning *Rasm ḨUthmānī*. There are five chapters in this research whereby the first chapter explains about the history of Arabic writing and the method used in the writing of the Quran since the Prophet (p.b.u.h) until the era of Sayyidinā ḨUthmān r.a. This chapter also discusses in detail the history of the writing of the Quran and why it is called *Rasm ḨUthmānī*. The second chapter discusses about the *Rasm ḨUthmānī* itself, the writing methods, its association with qiraat *mutawātir* and comparison with *Rasm Qiyāsī*. The third chapter focuses on the advantages of *Rasm ḨUthmānī* and the scholars point of view about the rules and how to use *Rasm ḨUthmānī* in the writing of the Quran. The fourth Chapter explains about the improvement made by scholars such as the placing of dashes, dots and various other symbols found in the mashaf *Rasm ḨUthmānī*. The fifth chapter consists of analysis and conclusion of the whole research. It also includes suggestions for the muslim regarding the writing of the Quran. This research concludes that *Rasm ḨUthmānī* is the original method of the writing of the Quran and it is *tawqīfī* from the Holy Prophet (p.b.u.h) that must be followed and practised. This research ends with bibliography and appendices.